



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



AMALAN AGAMA WARGA TUA DI RUMAH KEBAJIKAN AL-MAWADDAH

RELIGIOUS PRACTICES AMONG THE ELDERLY AT THE BAIT MAWADDAH WELFARE HOME

Elmi Baharuddin^{1*}, Muhammad Ammar Farhan Ramlan², Hasan Al Banna Mohamed³, Nor Nazimi Mohd Mustaffa⁴, Mohamad Muntaha Saleh⁵, Nur Aqilah Razen Khan⁶

- ¹ Jabatan al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: elmi@upnm.edu.my
 - ² Jabatan al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: ammarfarhan@upnm.edu.my
 - ³ Jabatan Pengurusan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: hasanalbanna@upnm.edu.my
 - ⁴ Jabatan Ketamadunan, Peradaban dan Umum, Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: nornazimi@upnm.edu.my
 - ⁵ Jabatan Pengajian Pertahanan Islam, Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: muntaha@upnm.edu.my
 - ⁶ Akademi Pengajian Pertahanan Islam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: nuraqilah0698@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.08.2024
Revised date: 12.09.2024
Accepted date: 05.02.2025
Published date: 03.03.2025

To cite this document:

Baharuddin, E., Ramlan, M. A. F., Mohamed, H. A., Mustaffa, N. N. M., Saleh, M. M., & Razen Khan, N. A. (2025). Amalan Agama Warga Tua Di Rumah Kebajikan Al-Mawaddah.

Abstrak:

Hidup beragama merupakan asas penting dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan warga emas di Bait al-Mawaddah dalam amalan keagamaan. Metodologi dalam kajian ini adalah kajian kes yang dianalisis secara deskriptif menggunakan soal selidik dan pemerhatian. Kajian ini dijalankan di Bait al-Mawaddah di Shah Alam. Seramai 102 warga emas yang dipilih secara rawak mudah. Hasil kajian mendapati warga emas di Bait al-Mawaddah mengambil berat tentang amalan keagamaan berbanding faktor kesihatan dan halangan lain. Selain itu, hasil kajian juga mendapati perbezaan antara amalan agama dan akhlak warga emas adalah ketara. Kajian ini merumuskan bahawa usia seseorang

International Journal of Modern Education, 7 (24), 99-110.

DOI: 10.35631/IJMOE.724006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



menyebabkan berlakunya perubahan dalam amalan agama setelah meningkatnya usia.

Kata Kunci:

Amalan Agama, Warga Tua, Rumah Kebajikan al-Mawaddah, Pengajian Islam

Abstract:

Live religiously is an important foundation in the life of the elderly in this world and the hereafter. This study aims to identify the involvement of the elderly in Bait al-Mawaddah in religious practices. The methodology in this study is a case study that is analyzed descriptively using questionnaires and observations. This study was conducted at Bait al-Mawaddah in Shah Alam. A total of 102 selected senior citizens who were selected at random. The results of the study found that the elderly at Bait al-Mawaddah care about religious practices. But simply due to health factors and other obstacles. In addition, the results of the study also found that the difference between religious practices and the morals of the elderly is significant. This study concludes that a person's age causes changes in religious practices after increasing age.

Keywords:

Religious Practices, Elderly, Bait Mawaddah, Welfare Home, Islamic Studies

Pengenalan

Manusia berubah hala tuju apabila usia meningkat. Pengharapan dan kepercayaan kepada Tuhan meningkat mengikut perubahan usia (Baker dan Nussbaum, 1998). Kajian Beit Hallahmi dan Argyle, (2014) menyatakan dalam masyarakat Barat ada hubungan yang positif diantara aspek keagamaan dengan pertambahan usia warga tua. Proses penuaan boleh dianggap sebagai fenomena yang menarik kerana setiap individu mengalami perubahan yang unik (Kiyak & Hooyman, 2002).

Ini disebabkan oleh fakta bahawa semakin meningkat usia, kebolehan mental dan fizikal mereka semakin merosot dan mereka semakin lemah. Hal ini dapat kita lihat di dalam Surah Yassin ayat ke-68 yang memberi maksud;

“Dan (hendaklah diingat bahawa) sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadiannya (kepada keadaan serba lemah; hakikat ini memang jelas) maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya?”

Amalan agama boleh memberikan sokongan dan makna yang signifikan kepada warga tua, terdapat beberapa cabaran dan isu yang boleh timbul dalam masyarakat kontemporari. Beberapa masalah umum mengenai amalan agama orang tua hari ini antaranya ialah kebolehcapaian perkhidmatan keagamaan iaitu had fizikal atau isu mobiliti mungkin menghalang individu warga tua daripada menghadiri perkhidmatan agama secara tetap, yang membawa kepada perasaan terasing dan mengurangkan penglibatan masyarakat.

Kecanggihan teknologi menyebabkan kebanyakan warga tua banyak ketinggalan input tentang majlis keagamaan yang sering disebarkan melalui laman sosial. Pergantungan yang semakin meningkat pada teknologi dalam tetapan agama, seperti perkhidmatan ibadat dalam talian atau komunikasi digital, mungkin menimbulkan cabaran bagi sesetengah orang dewasa yang lebih tua yang tidak biasa atau selesa menggunakan peranti digital.

Selain itu, terdapat pelbagai fahaman agama di antara satu sama lain dan tiada ketetapan untuk sesuatu keputusan membuatkan warga tua boleh hilang kepercayaannya pada agama tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penuaan boleh mendorong sesetengah individu untuk mempersoalkan atau menilai semula kepercayaan agama mereka, yang berpotensi membawa kepada krisis rohani atau perubahan dalam amalan agama. Maka, dengan wujudnya situasi yang sebegini, masyarakat haruslah bekerjasama untuk mendorong warga tua untuk tetap percaya akan kepercayaan agamanya dan bantu untuk meningkatkan tahap amalan agama warga tua tersebut.

Salah satu rumah kebajikan yang menjaga warga tua ialah rumah Kebajikan al-Mawaddah. Justeru, bagi merungkai permasalahan ini, maka kajian ini bertujuan mengkaji demografi sosial warga tua di rumah kebajikan Bait al-Mawaddah, bentuk-bentuk amalan agama warga tua di Bait al-Mawaddah dan hubungan antara amalan agama dengan akhlak warga tua di Bait al-Mawaddah.

Kajian Lepas Berkaitan Warga Tua

Warga tua di takrifkan sebagai mereka yang berusia 60 tahun ke atas berdasarkan definisi *World Assembly on Aging* sekitar tahun 1982 di Vienna. Malaysia masih berada di negara membangun maka, usia tua bagi warga tua di kategorikan pada usia 60 tahun (Nayan. S, 2006; dan Khadija Alavi at all (2011).

Terdapat istilah yang berbeza untuk merujuk kepada fasa-fasa dalam proses pembangunan manusia, dari baligh, remaja, dewasa hingga tua. Menurut al-Thalibi (2000), seseorang yang berumur lebih dari 60 tahun membawa beberapa istilah khusus mengikut tahap perkembangan mereka. الشيخ , الرجل , شاب , شامت , شاخ , كبر , توجه , دلق , دب , مچ , هديج , dalam mendefinisikan orang tua, Ibrahim at all (1972) dalam *al-mu'jam al-wasit* menegaskan bahawa الشيخ atau orang tua ialah mereka yang berumur lebih dari 50 tahun dan antara peringkat هزم dan كهل. Selain itu, istilah هزم ditakrifkan sebagai orang yang terlalu tua, lemah dari segi fizikal dan mental.

Manakala perkataan 'kibar' disebut enam kali dalam al-Quran manakala 'syaikhun' dan 'ajuz' disebut empat kali (Muhammad Fuad, 2002). Kronologi dalam surah al-Rum 30:54 telah di susun bermula dari kehidupan seorang bayi yang lemah dan berakhir juga dalam keadaan lemah iaitu usia tua. Firman Allah dalam surah al-Rum ayat 54:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ

Maksudnya;

“Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dia lah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.”

Menurut al-Maraghi (2001), menerangkan tentang kekuasaan Allah dalam mengatur pertumbuhan manusia sehingga perubahan berlaku pada setiap peringkat. Selain itu, al-Qurthubi mendefinisikan 'Syaiikh' (individu yang telah melebihi umur 40 tahun) bahawa kekuatan dan kefungsi organ tubuh mula merosot selepas umur 40 tahun.

Sementara itu, beberapa gelaran untuk warga tua termasuk '*elderly*', '*old adult*' dan '*senior citizen*'. Menurut Rogers (1986) bersetuju dengan klasifikasi Neugarten tentang usia tua kepada tiga peringkat yang berbeza: awal tua (*young old*), pertengahan tua (*middle old*), dan tua-tua (*old-old*) dalam pengkajiannya.

Selain itu, penekanan yang besar harus diberikan kepada aspek psikologi apabila melibatkan penjagaan warga tua oleh kanak-kanak dan remaja. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan transformasi emosi yang berlaku selepas mencapai usia keemasan, seperti yang digariskan oleh Seow Ta We dan Shalini (2014): kebimbangan, kekecewaan, kesunyian, kemerosotan nilai diri, dan pengurangan keyakinan diri. Orang tua biasanya lebih mudah terasa, sibuk dengan perasaan mereka sendiri, dan sukar untuk mendengar kata. Sememangnya orang tua, pada pendapatnya, menyerupai bayi yang berumur antara dua hingga empat tahun.

Ahli biologi Kurt Wolff (1959) bersetuju dengan penegasan ahli psikologi Gitelson bahawa orang tua adalah kumpulan terdedah yang terdedah kepada ketidakstabilan emosi, dicirikan oleh pelbagai petunjuk termasuk: (1) ingatan berkurangan tentang peristiwa semasa; (2) mempertingkatkan ingatan tentang peristiwa masa lalu, terutamanya yang berkaitan dengan pencapaian peribadi; (3) sikap tegas sebagai kompensasi mengatasi perasaan tidak selamat; (4) keputusan yang teruk berpunca daripada rasa terasing dan keseorangan; (5) meningkatkan sensitiviti, kecenderungan untuk mengadu, dan kecenderungan paranoid; dan (6) kebimbangan yang berkaitan dengan kematian, terutamanya kehilangan orang tersayang.

Elmi baharuddin (2013) dalam kajiannya, memetik pandangan Shura Saul yang menyatakan terdapat pelbagai stigma masyarakat tentang warga tua dalam masyarakat. Perkara ini menunjukkan bahawa penghujung usia itu tidak boleh berlalu dalam keadaan lesu dan berserah seolah-olah menunggu hari kematian menjemput tiba.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif. Oleh itu, pendekatan metodologi yang digunakan sejajar dengan pengkajian kuantitatif. Metodologi kajian ini memfokuskan kepada lima pendekatan utama: reka bentuk kajian, pemilihan wilayah kajian, pemilihan peserta kajian, pengumpulan data, dan analisis data. Maka dengan ini, pengkaji perlu mempunyai bekalan teori mengenai amalan agama warga tua yang luas dan lebih terperinci serta mampu meneliti dengan lebih jelas dan mendalam mengenai tajuk kajian.

Selain itu, sumber primer ialah faktor kajian langsung yang dikemukakan oleh seseorang yang terlibat dalam kajian. Sumber sekunder ialah pengkajian atau penerbitan tentang kajian yang dijalankan oleh individu atau organisasi. Dapatan kajian adalah berdasarkan sumber primer. Sumber sekunder juga merupakan tafsiran, generalisasi, dan kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji berdasarkan sumber utama yang dikaji. Sumber sekunder ini juga boleh digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan, perbandingan, atau ungkapan untuk meningkatkan kedudukan dan pemahamannya terhadap isu yang dikaji.

Reka bentuk kajian merupakan suatu pelan tindakan yang merinci bagaimana kajian tertentu dijalankan (Sabitha, 2006). Dalam konteks ini, kajian ini bersifat kuantitatif, menggunakan maklumat atau data berbentuk kuantitatif. Reka bentuk kajian ini adalah "*Multi Case Multi Site*," di mana *Multi Case* merujuk kepada beberapa warga tua yang menjadi peserta, sementara *Multi Site* merujuk kepada beberapa Rumah Warga Tua sebagai lokasi kajian.

Data kuantitatif diperoleh melalui pemerhatian, analisis dokumen, atau kaedah lain untuk memperoleh data yang lengkap. Saiz sampel kajian ini lebih kecil berbanding kajian kuantitatif biasa. Jenis-jenis kajian kuantitatif yang mungkin termasuk etnografi, kajian tindakan, kajian kes, sejarah, fenomenologi, dan naratif. Instrumen kajian untuk kajian kuantitatif ini adalah pengkaji sebagai instrumen utama, memerlukan pengumpulan data secara langsung. pengkaji perlu berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati fenomena yang ingin dikaji. Bentuk data untuk kajian kuantitatif ini dapat berupa perkataan atau ayat yang diperoleh melalui temubual atau direkod dalam bentuk gambar atau video. Kesimpulannya, reka bentuk kajian ini memberikan pandangan holistik terhadap proses pelaksanaan kajian kuantitatif yang melibatkan beberapa peserta dan lokasi, dengan penekanan pada peran pengkaji sebagai instrumen utama.

Metode pengumpulan data merujuk kepada strategi dan prosedur yang digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data yang akan dikaji dengan pelbagai cara. Untuk memperoleh hasil kajian yang bagus dan sistematik, pengkaji perlulah menggunakan cara yang tepat dan bertepatan untuk mendapatkan data yang sah dan juga sesuai dengan kenyataannya. Antara teknik merujuk kepada proses penggunaannya melalui tinjauan pengkajian, pemerhatian, ujian, dokumentasi, dan sebagainya. Secara umumnya, metode pengumpulan data digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data atau maklumat berdasarkan fakta sokongan di lapangan untuk tujuan kajian, dan teknik yang digunakan kebanyakannya ditentukan oleh metodologi kajian yang dipilih oleh pengkaji itu sendiri.

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian turut digunakan. Pemerhatian merupakan satu kaedah pengkajian yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah pengkajian. Ia juga merupakan alternatif yang ada untuk mengumpulkan maklumat atau data selain daripada soal selidik dan temuduga. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat mengamati tingkah laku subjek berdasarkan pemboleh ubah yang telah dikenalpasti.

Hasil Kajian Amalan Agama Warga Tua Di Rumah Al-Mawaddah

Bagi memastikan tahap penglibatan agama dalam kalangan warga di Shah Alam, tapak kajian yang dipilih untuk kajian ini ialah Bait al-Mawaddah. Ringkasnya, penyiasatan ini mengenal pasti 49% (50) lelaki dan 51% (52) perempuan. Maklumat yang dikumpul untuk kajian ini adalah berkaitan dengan unjuran peningkatan populasi geriatrik pada tahun 2022 atau 2021. Ini disebabkan komposisi demografi warga tua yang homogen yang menetap di Bait al-Mawaddah.

Bagi mengumpul data mengenai tahap penglibatan warga emas dalam aktiviti keagamaan, instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Maklumat yang dikumpul melalui tinjauan adalah tertakluk kepada analisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi, seperti regresi, korelasi, peratusan dan min. Apabila mereka mencapai usia akal dan baligh, setiap Muslim mempunyai kewajipan kepada Allah, keluarga mereka, masyarakat, dan

seluruh makhluk diatas muka bumi ini. Maksudnya, tanggungjawab dan kewajiban terus dilaksanakan walaupun di peringkat akhir kehidupan.

Pemenuhan kewajiban yang soleh terhadap Allah, keluarga, masyarakat, dan alam sekitar adalah penting. Pengabdian kepada Allah merupakan kewajiban dan tanggungjawab utama semasa usia tua. Nabi bersabda, menurut Ibn Abbas: "*Dua nikmat yang sering diabaikan oleh majoriti individu ialah masa lapang dan kesihatan yang baik*" (al-Bukhari 2000). Masa dan kesihatan adalah dua aspek yang paling penting dalam kewujudan manusia, tanpa mengira usia - sama ada bayi, remaja, matang, atau tua - seperti yang dinyatakan dalam Hadis Nabi.

Adalah mustahak bagi individu mengisi masa dan tenaga mereka dengan mengerjakan fardhu dan memilih topik fardhu kifayah yang sesuai untuk masa dan kesejahteraan rohani mereka. Bagi warga tua menjalankan tugas dan tanggungjawab menentang Allah dengan berkesan, Bait al-Mawaddah telah menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan yang direka khusus untuk mereka demi memelihara dan menjaga kesihatan dan masa mereka. Amalan keagamaan dalam ibadah, termasuk tetapi tidak terhad kepada solat, puasa, dan sedekah, disertakan. Pada asas harian, mingguan, bulanan, dan tahunan, aktiviti ini berlaku. Tambahan pula, apabila individu meningkat usia, mereka juga terdedah kepada aktiviti yang penting dari segi moral.

Latar belakang Bait al-Mawaddah

Bait al-Mawaddah merupakan pilihan tempat kajian yang terletak di Jalan Tanjung Pahang, Lorong Haji Mughni Seksyen 30 Jalan Kebun, 46460 Shah Alam. Akan tetapi, pada masa sekarang, kesemua warga tua telah berpindah ke tempat penjagaan baharu buat sementara yang terletak di Pusat Latihan Asnaf Selangor (PLAS), Jalan Sungai Tua, Ulu Yam Bharu 44300 Batang Kali, Selangor Darul Ehsan. Hal ini kerana, tempat asalnya iaitu Bait al-Mawaddah sedang melakukan penyelenggaraan untuk penambahbaikan infrastruktur di bangunan tersebut. Tambahan pula, demi keselesaan warga tua yang pilih untuk menetap di sana.

Bait al-Mawaddah juga telah meletakkan objektif sebagai kunci utama dalam menjaga dan melindungi nasib warga tua yang tidak terbela. Antara objektifnya ialah memberi perlindungan, pengawasan, pemulihan dan pembangunan diri yang berkesan kepada warga tua yang tergolong daripada fakir dan miskin yang tidak terbela. Seterusnya, objektif yang kedua ialah memberi jagaan dan rawatan kepada warga tua demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Selain itu, objektif yang ketiga pula ialah menjaga kebajikan penghuni pusat penjagaan warga tua dengan baik. Akhir sekali, objektif penubuhan yang keempat pula ialah mewujudkan persekitaran yang sihat, cergas, ceria, harmoni, kasih sayang serta kondusif dalam kehidupan warga tua.

Menurut hasil kajian, terdapat sebanyak 51% (52) terdiri daripada golongan wanita manakala, lebih daripada itu iaitu 49% (50) terdiri daripada golongan lelaki warga tua yang menetap di Bait al-Mawaddah. Setelah mendapat kesemua data warga tua yang berada di Bait al-Mawaddah, kebanyakan diantara mereka berada dalam kalangan umur 60-an. Tambahan input, syarat kemasukan Bait al-Mawaddah juga terikat pada mereka yang sudahpun berumur 60 tahun ke atas. Selain itu, syarat seterusnya ialah mereka juga merupakan seorang yang sihat tubuh badan, tidak terlantar dan boleh menguruskan diri sendiri.

Secara puratanya, mengikut kutipan hasil kajian sebanyak 26.5% (27) warga tua yang berumur 60 hingga 69 tahun yang memilih Bait al-Mawaddah sebagai tempat perlindungan. Seterusnya, yang mempunyai purata yang tertinggi iaitu sebanyak 48% (49) terdiri daripada warga tua yang berumur dalam lingkungan 70 hingga 79 tahun. Hal ini kerana kebanyakan diantara mereka tidak mempunyai sesiapa pun sebagai tempat meminta pertolongan dan ada juga diantara mereka datang ke Bait al-Mawaddah dengan sebatang kara. Maka, dengan wujudnya Bait al-Mawaddah dapat memudahkan beberapa urusan warga tua di Bait al-Mawaddah. Akhir sekali, purata bagi umur 80 hingga 89 tahun ialah sebanyak 25.5% (26). Di sini kita boleh lihat bahawa bilangan bagi umur 80 hingga 89 tahun mempunyai nilai yang hampir sama dengan bilangan warga tua yang berumur 60 hingga 69 tahun.

Seterusnya, beralih pula kepada tempat asal mereka. Majoriti daripada mereka berasal dari negeri Melaka, kerana mereka datang secara beramai-ramai dan mendaftarkan diri mereka di Bait al-Mawaddah. Hasil kutipan kajian sebanyak 75.5% (77) yang datang dari negeri Melaka. Selebihnya, iaitu 24.5% (25) diantara mereka berasal dari Selangor. Mereka yang menetap di Selangor kebanyakannya mempunyai ahli keluarga yang terdekat dan mempunyai wang simpanan yang masih banyak berbanding dengan warga tua yang berasal dari Melaka.

Di samping itu, hasil kajian juga telah membuktikan bahawa ada diantara mereka mempunyai latar belakang keluarga yang elok dan baik, sebaliknya ada jugak diantara mereka, yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan, fakir dan miskin. Mengikut kutipan hasil kajian, sebanyak 74.5% (76) diantara mereka yang tidak bekerja dan hanya menunggu bantuan dari pihak kerajaan untuk kelangsungan hidup. Tambahan pula, warga tua yang tidak bekerja ini juga majoritinya datang daripada bapa tunggal, bujang, ibu tunggal dan sebagainya. Mereka tidak mempunyai kenalan yang dekat untuk meminta pertolongan mahupun untuk menyara hidup mereka. Walau bagaimanapun, lebih daripada itu, iaitu sebanyak 25.5% (26) terdiri daripada mereka yang berniaga sebelum menghentikan perniagaan mereka atas faktor kesihatan dan banyak lagi. Jelaslah disini bahawa, warga tua yang terdiri daripada mereka yang berniaga mempunyai nasib yang lebih baik, berbanding dengan warga tua yang tidak bekerja.

Amalan Keagamaan Warga Tua

Amalan agama warga tua agak terhad dan terbatas disebabkan faktor kesihatan mereka sendiri. Hal ini boleh kita lihat di bawah, apabila hasil kajian mendapatkan kebanyakan warga tua di Bait al-Mawaddah menjawab soalan yang telah diberikan kepada mereka. Di dalam fasa mereka yang semakin meningkat usianya, warga tua sewajarnya meningkatkan amalan agama mereka supaya mereka sentiasa rasa dekat dengan Maha Pencipta. Tambahan pula, dengan mendekatkan diri dengan Tuhan juga dapat mengingatkan diri tentang kematian. Dalam pada masa yang sama, supaya sentiasa mengelakkan diri daripada kelalaian.

Orang tua dinasihatkan untuk memperbanyakkan bertaubat dan memohon keampunan, kerana bertaubat dan memohon keampunan adalah jalan yang mendekatkan diri kepada ilahi. Pendekatan ini ditekankan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah (2015) dari Jabir bin Abdullah katanya Rasulullah berkhutbah kepada kami, sabdanya; *“Wahai manusia! Bertaubatlah kamu kepada Allah sebelum kamu mati dan segeralah kamu mengerjakan amal soleh sebelum kamu sibuk dan adakanlah perhubungan antara kamu dengan Tuhan kamu dengan memperbanyakkan zikir kepada-Nya.”* Jelaslah bahawa, huraian dibawah menjelaskan

dengan lebih terperinci purata kekerapan warga tua bagi setiap amalan agama yang dilakukan olehnya dalam kadar bulanan.

Amalan Agama Warga Tua Terhadap Solat

Seorang muslim yang kompeten dan berilmu wajib menunaikan solat fardhu diwajibkan oleh Allah. Hasilnya, pertanyaan dibuat berhubung aktiviti solat warga tua yang tinggal di Bait al-Mawaddah. Menghadiri sembahyang lima waktu dan petang dengan khusyuk, menunaikan sembahyang lima waktu di surau atau masjid, mengerjakan sembahyang sunat sebelum dan sesudahnya, serta menunaikan sembahyang tarawih dengan sempurna adalah empat perkara yang telah ditanyakan kepada warga tua tersebut.

Hasil kajian menunjukkan warga tua di Bait al-Mawaddah terlibat dalam pelbagai aktiviti solat. Terdapat sebanyak 100% (102) warga tua berjaya untuk mendirikan solat lima waktu dengan sempurna. Manakala, hasil kajian seterusnya pula sebanyak 100% (102) juga yang berjaya menghadirkan diri untuk solat secara berjemaah di masjid atau surau. Tambahan pula, hasil dapatan soalan yang seterusnya ialah mendirikan solat sunat rawatib sebelum dan selepas solat fardhu. Secara keseluruhannya, sebanyak 100% (102) juga yang berjaya untuk melaksanakan solat sunat rawatib sebelum dan selepas solat fardhu. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian yang terakhir berkenaan aktiviti keagamaan warga tua dalam solat mendapati merundum apabila masuknya bulan Ramadan. Hasil kajian menunjukkan warga tua di Bait al-Mawaddah tidak menekankan untuk solat tarawih pada bulan Ramadan. Hal ini kerana, hanya 76.5% (78) sahaja yang mendirikan solat tarawih di bulan Ramadan, dan sebanyak 23.5% (24) mengambil sambil lewa tentang betapa besarnya pahala mendirikan solat sunat tarawih. Kesimpulannya, warga tua di Bait al-Mawaddah amat mementingkan solat fardhu secara berjemaah disamping melaksanakan solat sunat tarawih dengan baik.

Amalan Agama Warga Tua Terhadap Aktiviti Berdoa

Kebanyakan warga tua di Bait al-Mawaddah mengambil enteng tentang fadhilat berdoa di waktu-waktu yang mustajab untuk berdoa. Hal ini kerana kurangnya pendedahan terhadap mereka menyebabkan mereka mengambil sambil lewa tentang aktiviti agama ini. Hasil kajian mendapati sebanyak 26.5% (27) warga tua di Bait al-Mawaddah tidak mengamalkan doa selepas habisnya solat fardhu lima waktu. Manakala, lebih daripada itu iaitu 73.5% (75) yang mengamalkan doa selepas habis solat fardhu. Seterusnya, sebanyak 74.5% (76) warga tua di Bait al-Mawaddah mengamalkan amalan berdoa sebelum dan selepas habis makan.

Seterusnya, bagi amalan berdoa sebelum dan selepas bangun daripada tidur, ianya mendapat hasil dapatan yang positif apabila majoriti warga tua mengamalkan amalan berdoa sebelum dan selepas bangun dari tidur. Hasil kajian mendapati sebanyak 100% (102) mengamalkan doa pada waktu ini. Selain itu, di sini juga turut menerapkan amalan membaca tiga qul sebelum tidur, berdoa membaca tasbih, tahmid dan takbir 33 kali sehari. Hasil kajian mendapati sebanyak 100% (102) yang mengamalkan amalan tersebut kerana ia dilakukan secara beramai-ramai selepas selesai solat fardhu.

Di samping itu, amalan berdoa yang seterusnya pula ialah memohon keampunan dan taubat kepada Allah setiap kali sebelum tidur. Hal ini mendapat sambutan yang positif apabila warga tua di Bait al-Mawaddah seringkali mengamalkan doa untuk meminta keampunan dan taubat dari Allah kerana mereka sedar bahawa ajal itu akan datang pada bila-bila masa, tidak kira usia dan tempat. Maka, dengan mengamalkan doa meminta keampunan dan taubat kepada

Allah dapat mendekatkan dirinya sebagai seorang dengan pencipta-Nya. Hasil kajian mendapati sebanyak 74.5% (76) mengamalkan doa untuk meminta keampunan dan taubat kepada Allah. Akan tetapi, warga tua di Bait al-Mawaddah turut memandang remeh tentang kebesaran melakukan istigfar sebanyak 100 kali dalam sehari. Dalam hasil kajian, ia tidak mendapat sambutan yang baik apabila majoriti warga tua di Bait al-Mawaddah tidak jadikan amalan ini sebagai rutin harian mereka apabila hasil kajian dapati sebanyak 100% (102) diantara mereka tidak mampu untuk menghabiskan istigfar sebanyak 100 kali dalam sehari. Kebanyakan diantara mereka mengalami penyakit kronik yang menyebabkan mereka nyanyuk dan mudah lupa perkara yang baru terjadi, itu antara alasan yang mereka berikan kerana gagal untuk melakukan amalan istigfar 100 kali dalam sehari.

Amalan Agama Warga Tua Terhadap Aktiviti Puasa

Majoriti warga tua di Bait al-Mawaddah sudah terdedah dengan kewajipan untuk berpuasa yang ada pada rukun Islam yang ketiga. Mereka juga turut bersemangat untuk berpuasa walaupun rata-rata antara mereka sudahpun mencecah umur dalam lingkungan 70-an. Dalam hasil kajian mendapati sebanyak 75.5% (77) warga tua di Bait al-Mawaddah masih mempunyai kudrat untuk memenuhi puasa di bulan Ramadan selama 30 hari. Seterusnya, puasa enam di bulan Syawal juga turut di ambil kira dalam kajian ini. Hasilnya ialah sebanyak 75.5% (77) yang mampu untuk melakukan puasa enam di bulan Syawal. Di samping itu, sebanyak 100% (102) warga tua di Bait al-Mawaddah melakukan puasa sunat pada hari Isnin dan Khamis pada tiap minggu. Jelaslah disini bahawa mereka telah diberi pendedahan awal tentang ganjaran yang akan diberikan oleh Allah sekiranya berpuasa pada hari-hari sunat tersebut. Kesimpulannya, warga tua di Bait al-Mawaddah tidak mengabaikan tentang kewajipan sebagai orang Islam untuk terus berpuasa sekiranya mampu.

Amalan Agama Warga Tua Terhadap Zakat Dan Sedekah

Kebanyakan warga tua yang menetap di Bait al-Mawaddah sudah tidak mempunyai kerja hakiki, maka mereka tidak mempunyai wang simpanan bulanan. Jadi, terdapat dua perkara yang telah dipilih untuk dijadikan sebagai soalan dan mereka perlu jawab. Antaranya ialah adakah mereka berusaha untuk membayar zakat fitrah pada setiap tahun. Dalam hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 75.5% (77) sahaja yang mampu untuk membayar zakat pada tiap tahun, yang lebih daripada itu iaitu 24.5% (25) dikategorikan sebagai tidak mampu untuk membayar zakat pada setiap tahun. Seterusnya, soalan kedua yang dipilih sebagai soalan ialah adakah warga tua di Bait al-Mawaddah rajin untuk bersedekah. Dalam hasil kajian mendapati bahawa aktiviti keagamaan seperti bersedekah tidak mendapat sambutan yang positif dari warga tua kerana kebanyakan antara mereka sudah tidak mampu untuk mengeluarkan duit belanja mereka kerana mereka datang dari keluarga yang susah. Ada juga di antara mereka yang datang hanya sebatang kara dan meminta dirinya untuk menetap di Bait al-Mawaddah. Terdapat sebanyak 50% (51) warga tua tidak mampu untuk bersedekah kerana mempunyai masalah kewangan. Manakala, lebih daripada itu iaitu 50% (51) pula yang mampu untuk bersedekah pada golongan yang memerlukan.

Amalan Agama Warga Tua Terhadap Program Agama

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawasanya program agama mendapat sambutan yang kurang baik daripada warga tua di Bait al-Mawaddah atas beberapa faktor dan kekangan yang mereka alami. Hal ini dapat kita lihat antara beberapa program yang telah dianjurkan oleh pihak Bait al-Mawaddah untuk memenuhi aktiviti warga tua di sana. Antaranya ialah ceramah maulidur rasul yang dijalankan pada waktu malam jarak antara waktu solat maghrib

dan isyak. Terdapat sebanyak 74.5% (76) yang tidak menyertai program ceramah tersebut menyebabkan mereka cetek akan ilmu agama di usia tua.

Seterusnya, hasil kajian yang kedua pula mendapat sambutan yang memberangsangkan apabila kebanyakan di antara mereka meluangkan masa dan tenaga untuk menyertai kesemua aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak berwajib Bait al-Mawaddah. Hasil kutipan kajian mendapat sebanyak 76.5% (78) yang sudi untuk meluangkan masa untuk bersama-sama mengisi masa lapang yang ada pada usia yang tua. Sebaliknya, hanya 23.5% (24) sahaja yang kurang menyertai semua program yang telah dijadualkan di Bait al-Mawaddah.

Selain itu, hasil kajian yang ketiga juga mendapat sambutan yang baik daripada warga tua di Bait al-Mawaddah apabila sebanyak 100% (102) menyertai dan mengikuti program ceramah keagamaan bulanan yang dianjurkan oleh pihak Bait al-Mawaddah. Hal ini kerana dengan menghadiri program keagamaan bulanan dapat memantapkan akidah dan menambah ilmu pengetahuan yang mereka boleh pelajari selagi mempunyai masa. Tambahan itu, perkara ini sewajarnya dipraktikkan supaya kesemua warga tua dapat meluangkan masa mereka ke arah perkara-perkara yang berfaedah dan tidak terjerumus kepada perkara yang boleh melalaikan mereka.

Di samping itu, antara program agama yang dianjurkan di Bait al-Mawaddah ialah ceramah umum yang dilakukan setiap malam minggu bagi mengelakkan warga tua di Bait al-Mawaddah merasakan kesunyian apabila berjauhan dengan keluarga tersayang. Hasil kajian mendapat sebanyak 24.5% (25) yang mengikuti ceramah umum yang dianjurkan oleh pihak Bait al-Mawaddah bagi mengisi masa lapang. Namun, sebanyak 75.5% (77) tidak berminat untuk menyertai dan mengikuti ceramah umum pada setiap minggu atas alasan mereka sendiri.

Kesimpulan

Kesimpulannya, walaupun terdapat banyak amalan agama yang boleh dilakukan oleh manusia, akan tetapi tidak semua mampu untuk melakukannya secara normal. Hal ini dikaitkan kerana keadaan warga tua dan keadaan orang dewasa amat jauh beza tahap kesihatannya, yang menyebabkan majoriti warga tua tidak dapat membuat amalan agama secara berlebihan atas faktor kesihatannya sendiri. Walau bagaimanapun, sekecil-kecil zarah sekali pun amalan dan kebaikan itu dilakukan, ianya tetap menjadi sumber untuk di akhirat kelak. Ganjaran syurga telah dijanjikan bagi mereka yang beriman dan beramal soleh. Dalam firman Allah di dalam surah asy-Syura ayat 22 yang membawa maksud *“Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh (bersenang-lenang) dalam taman taman syurga.”*

Tambahan pula, setiap amalan agama yang dilakukan itu tidaklah satu perbuatan yang sia-sia. Hal ini kerana setiap amalan itu, memberi kesan kepada seseorang sejurus memperoleh pahala atas setiap tingkahlakunya. Allah juga telah menjanjikan setiap hamba-hambanya yang melakukan kebaikan, akan dikurniakan rasa kasih sayang di dalam hati mereka seperti firman Allah di dalam surah Maryam ayat 96 yang membawa maksud *“Sungguh, orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebaikan, kelak (Allah) Yang Maha Pengasih akan menanamkan rasa kasih sayang (dalam hati mereka).”*

Rumusan dan Cadangan

Bait al-Mawaddah telah menjadi pilihan utama untuk dijadikan tempat kajian ini. Hal ini kerana ianya bersesuaian dengan tajuk yang telah dijalankan, iaitu amalan agama warga tua di Bait al-Mawaddah. Menurut konteks Islam, terdapat banyak pendapat yang mengatakan usia tua bermula dari 50-an. Dapat disimpulkan bahawa permulaan kemerosotan manusia akan berlaku sekitar usia 50 tahun, menurut majoriti dalam pandangan Islam. Para sarjana Islam mendefinisikan ketidakupayaan bukan sahaja merangkumi keadaan fizikal seseorang tetapi juga pemikiran, ingatan, dan emosi seseorang, yang merupakan aspek psikologi. Walau bagaimanapun, para ulama menasihatkan individu untuk terus beribadah dan menyediakan diri mereka untuk kematian yang akan datang dengan tenaga yang ada pada mereka. Manakala, menurut konteks Barat pula, telah dinyatakan bahawa terdapat beberapa tanda yang menetapkan seseorang itu sebagai tua: penuaan progresif, komponen selular yang berkurangan dalam sistem saraf, peningkatan adipositi, penurunan kadar jantung, dan pengumpulan tisu penghubung dan bahan elastik.

Amalan agama warga tua memegang peranan utama dalam membentuk kehidupan yang bermakna dan sejahtera. Melalui penelitian ini, telah terbukti dengan jelas bagaimana warga tua di Bait al-Mawaddah secara konsisten melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan, seperti solat, doa, dan penyertaan dalam program-program keagamaan. Amalan-agama yang dilaksanakan oleh warga tua bukan sahaja memberi mereka ketenangan rohaniah, tetapi juga membina keharmonian dalam komuniti.

Dalam konteks Islam, warga tua dianggap sebagai orang yang memasuki fasa kehidupan yang lebih menghampiri kematian. Namun, melalui amalan agama, mereka menunjukkan ketegasan untuk terus beribadah, memberi penekanan pada kekuatan spiritual dan keberkatan dalam amalan sehari-hari. Perbincangan mengenai kepentingan solat, berdoa, dan penyertaan dalam aktiviti keagamaan lain di Bait al-Mawaddah menjadi panduan untuk melihat bagaimana agama menjadi penggerak utama dalam kehidupan warga tua.

Penghargaan

Penghargaan terima kasih kepada semua penyelidik yang membentangkan hasil kajian ini di *16th International Conference on Humanities and Social Sciences ICHiSS 2024*.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

al-Bukhari. 2000. Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Marāghī, Ahmad Mustafā Al-Marāghī. 2001. Tafsīr Al- Marāghī. Pent: Muhammad

Baker, D. C., & Nussbaum, P. D. (1998). Religious practice and spirituality—Then and now: a retrospective study of spiritual dimensions of residents residing at a continuing care retirement community. *Journal of Religious Gerontology*, 10(3), 33-51.

Beit-Hallahmi, B., & Argyle, M. (2014). *The psychology of religious behaviour, belief and experience*. Routledge.

Dorothy Rogers. 1986. *The Adult Years: An Introduction To Aging*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

Elmi Baharuddin. 2013. *Kecerdasan Ruhaniah Dan Amalan Agama Warga Tua Di Rumah Kebajikan*. Thesis Phd, Bangi: UKM

Hooyman, R. N., & Kiyak, H. (2002). *Asuman Social Gerontology: Multidisciplinary Perspective*. Boston: A Pearson Education Company.

- Ibrahim Anis, Atiyah al-Sawalihi, Ab. Halim Muntasar, Muhammad Khalfullah Ahmad. 1972. al- Mu'jam al-Wasit, al-Juz'u al-Awal, al-Tab'ah al-Thaniyah, Kaherah
- Majah, I., & Yazid, M. I. (2015). Sunan Ibn Majah. STUDI KITAB HADIS, 73.
- Ismail, Z., Ahmad, W. I. W., Tibek, S. R., Endot, I. E., Sham, F. M. S. M., & Baharuddin, E. B. (2011). Komitmen Warga Tua dalam Aktiviti Agama: Kes Warga Tua Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor. Jurnal Pembangunan Sosial, 14. <https://doi.org/10.32890/jps.14.2011.11448>
- Khadijah Alavi, Rahim M Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah, C. C. .2011. "Keperluan Sokongan Emosional Dalam Kalangan Anak Dewasa Yang Menjaga Warga Tua". EBangi. 6(1), 102–114.
- Kurt Wolff, M.D. 1959. The Biology, Sociological And Psychological Aspects Of Aging. Westport: Greenwood Press, Publishers.
- Muhammad Fuad 'Abd Al-Baqi. 2002. Al-Mu'jam Al-Mufahras Li Alfaz Al-Quran
- Nayan, S. 2006. Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. Jurnal Intelek, 4(1), 95-105.
- Sabitha Marican. 2005. Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Printice Hall.
- Seaw Ta Wee Dan Shalini Sanmargaraja. 2014. Isu Penuaan Dan Fasiliti Di Rumah Orang Tua, Melaka: UTHM.